

DATE: 20/3/2010

BH - 20/03/2010

Muhammad Faisal Abdul Aziz

pkpim-ssp@yahoo.com

# Mekanisme sesuai, ketelusan pastikan pelaksanaan GST tak tersasar

Usaha kerajaan perkenal cukai barangan dan perkhidmatan menerusi Model Ekonomi Baru perlu kajian teliti agar tidak bebaskan rakyat

**K**ERAJAAN akan memperkenalkan Modul Ekonomi Baru (MEB) yang akan diumumkan menjelang 30 Mac ini bagi menggantikan beberapa dasar ekonomi sedia ada seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk memastikan dasar fiskal negara terus relevan dan memenuhi tuntutan zaman.

Namun, seperti dinyatakan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, MEB ini akan dipamerkan kepada rakyat terlebih dulu bagi mendapat input yang relevan oleh anggota masyarakat termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan agensi kerajaan sebelum ia dilaksanakan dengan mengguna pakai beberapa sistem fiskal baru.

Lantaran itu, beliau berkata, penggabulan MEB dijangka siap sepenuhnya pada Jun tahun ini. Beberapa pendekatan baru yang akan diperkenalkan ini pada hakikatnya bertujuan untuk mengurangkan defisit belanjawan negara yang kini berada pada tahap paling tinggi sejak 20 tahun kebelakangan ini.

Tujuan ini dilihat amat bertepatan dengan ikrar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk mengurangkan defisit negara sebaik saja mengambil alih tampuk pemerintahan negara tahun lalu.

Mengambil contoh cukai barangan dan perkhidmatan atau Goods and Services Tax (GST), ia dirancang sejak 1989 lagi bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (STT) mulai 2011. Menerusi pelaksanaan GST ini, ia dijangka akan mendatangkan pendapatan sekitar RM8.8 bilion setiap tahun kepada negara.

Namun, pelaksanaan dasar percukaian baru ini dilihat amat dipengaruhi oleh situasi ketidakstabilan politik semasa. Rang undang-undang GST sendiri ditangguhkan untuk bacaan kedua di Parlimen pada sesi Mac/April memandangkan wujud suara pihak tertentu yang terus membantah pelaksanaan cukai ini. Sementara itu, menurut beberapa penganalisis politik, berdasarkan perkembangan terbabit, besar kemungkinan GST tidak akan diperkenalkan sehingga ke tarikh pilihan raya umum ke-13.

Dalam pada itu, fenomena ini juga boleh dilihat menerusi tindakan kerajaan yang menangguhkan pengumuman tarif elektrik baru dan menarik balik rancangan mereka untuk menghentikan atau mengurangkan subsidi petrol kepada rakyat secara umum.

Penasihat Kastam Datuk Zaleha Hamzah, berkata GST adalah cukai penggunaan atau 'consumption tax' yang kesannya akan dirasai oleh kita jika kita menggunakan sesuatu barangan. Secara mudah, GST ini tidak beza dengan sistem cukai bertingkat yang peringkat awalnya akan dikenakan kepada pengilang sesuatu produk.

Ia secara tidak langsung akan disalurkan oleh pengilang menerusi caj ditetapkan kepada pemborong. Kemudian, pemborong pula akan menyalurkan bebanan GST ini kepada peruncit dan jumlah GST yang terakhir akan disalurkan kepada harga pengguna.

Sementara itu, beberapa mekanisme GST sedang dikaji bagi memastikan sistem cukai yang akan dilaksanakan ini benar-benar adil. Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA) Abd Aziz Abu Bakar, berkata 60 peratus daripada kategori barang keperluan digunakan oleh mereka yang berpendapatan rendah seperti produk pertanian serta makanan asas akan dikecualikan daripada sistem GST ini bagi memastikan ia tidak membebaskan rakyat.

Namun, sebaliknya 20 peratus barangan di-



PELAKSANAAN cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada pertengahan 2011 perlu bersifat adil dan tidak membebaskan pengguna.

kategorikan sebagai barang mewah yang dikenakan oleh golongan berpendapatan tinggi akan dikenakan cukai GST.

Pengerusi Panel Penilaian Cukai Kementerian Kewangan, Datuk Kamariah Hussain pula berpendapat dengan pelaksanaan GST, peniaga boleh menawarkan harga lebih murah hasil penjimatan daripada pembayaran cukai. Maka, menurut beliau lagi, pelaksanaan GST akan memberi kesan kepada penurunan Indeks Harga Pengguna (IHP) sekali gus menurunkan perbelanjaan isi rumah.

Ini ekoran jumlah cukai dikenakan menerusi GST adalah jauh lebih rendah dibandingkan dengan cukai STT sedia ada. Ini dapat dilihat apabila kerajaan memutuskan untuk mengenakan jumlah empat peratus untuk cukai GST dibandingkan lima peratus untuk cukai jualan dan 10 peratus cukai perkhidmatan yang terangkum dalam STT.

Justeru, secara logiknya dengan pelaksanaan GST pengguna hanya perlu membayar cukai sebanyak empat peratus berbanding 10 peratus bagi cukai perkhidmatan dan jualan sebanyak lima peratus.

Dalam perkembangan berkaitan, berhubung mekanisme yang dikenakan ke atas peruncit, kerajaan akan menggunakan sistem 'trash hole' yang meletakkan had jumlah barangan tertentu yang melayakkan seseorang itu dikenakan GST. Ini bermaksud, jika seseorang peniaga menawarkan barangan tidak melebihi had tertentu dalam jangka masa tertentu, peniaga terbabit tidak akan dikenakan GST dan tidak wajar untuk cukai itu dikenakan oleh peruncit kepada pengguna lain.

Sementara itu, sistem GST ini juga sudah dilaksanakan oleh 146 negara di seluruh dunia dan seluruh negara di Asean melainkan Brunei dan Myanmar. Maka, Malaysia berpeluang

untuk menjadikan negara-negara berkenaan sebagai contoh dan modul bagi memastikan pelaksanaannya benar-benar berkesan.

Namun, beberapa pertimbangan perlu diambil kira bagi memastikan mekanisme GST ini tidak tersasar daripada matlamat asal serta tidak memberi kesan inflasi kepada negara. Maka, untuk itu, kerajaan seharusnya memberi pengecualian cukai tertentu seperti eksais dan sebagainya kepada syarikat kecil dan sederhana pada peringkat permulaan pelaksanaan GST ini.

Ia bagi mengelakkan bebanan besar yang terpaksa ditanggung mereka ekoran faktor modal mereka yang masih belum bersedia dengan sistem cukai baru ini.

Dalam pada itu, satu mekanisme terbaik bagi memastikan ketelusan sistem cukai ini juga seharusnya diperkenalkan. Ini memandangkan bagi sesuatu sistem cukai, kos bagi mekanisme yang digunakan untuk mengelak pemalsuan dan penyalahgunaan pelaksanaan adalah terlalu tinggi. Justeru, ia akhirnya akan dilihat berlawanan dengan matlamat asal untuk mengurangkan defisit negara bilamana berlaku peningkatan kos lain yang terpaksa ditanggung kerajaan.

Selain itu, usaha untuk menggubal satu akta undang-undang untuk menyekat pengambilan keuntungan berlebihan oleh peniaga menerusi caj yang dikenakan kepada pembeli tidak seharusnya dipandang remeh. Justeru, kita menyambut baik jaminan kerajaan untuk membentangkan Akta Anti Mengaut Keuntungan Berlebihan pada Mac ini sebelum pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dikuatkuasakan pada pertengahan 2011.

Ahmad Husni berkata, akta itu penting bagi memastikan tidak berlaku aktiviti mengambil keuntungan berlebihan oleh peniaga.


Mengenai jumlah caj dikenakan, pihak kerajaan harus memastikan mekanisme pelaksanaan benar-benar membawa kebaikan kepada negara tanpa perlu meningkatkan jumlah caj GST dari semasa ke semasa. Ini memandangkan, meskipun GST ini sudah dilaksanakan sejumlah negara, tetapi tarif cukainya tetap meningkat dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, GST diperkenalkan di Singapura pada 1 April 1994 dengan kadar tiga peratus. Namun, menjelang 1 Januari 2003, kadar tarif meningkat kepada empat peratus dan kemudiannya lima peratus pada 1 Januari 2004 dan yang terkini tujuh peratus sejak 1 Julai 2007. Perkara sama juga berlaku kepada negara lain termasuk New Zealand daripada 10 peratus pada 1 Oktober 1986 kepada 12.5 peratus Jun 1989 dan 15 peratus menjelang Mei ini.

Lantaran itu, kita seharusnya bersama-sama mengkaji dan meneliti dasar ini untuk memastikan kadar tarif empat peratus itu kekal dan tidak akan sama sekali meningkat dari semasa ke semasa. Sementara itu, beberapa mekanisme lain seperti bentuk pemberian insentif kerajaan juga harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan bagi memastikan negara kita ini tidak diselubungi masalah inflasi.

Menurut teori pakar ekonomi Islam Ibnul Khaldun, apabila subsidi diberikan menerusi pengecualian atau pengurangan cukai, maka perbelanjaan rakyat akan meningkat. Maka, sumber pendapatan kerajaan juga akan turut meningkat secara tidak langsung tanpa bergantung kepada jumlah cukai yang dikutip kerajaan.

Penulis ialah Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)



“**Penggabulan MEB dijangka siap sepenuhnya pada Jun tahun ini. Beberapa pendekatan baru yang akan diperkenalkan ini pada hakikatnya bertujuan untuk mengurangkan defisit belanjawan negara yang kini berada pada tahap paling tinggi sejak 20 tahun kebelakangan ini”**

**Ahmad Husni Hanadzlah**  
Menteri Kewangan Kedua



“**GST adalah cukai penggunaan atau 'consumption tax' yang kesannya akan dirasai oleh kita jika kita menggunakan sesuatu barangan. Secara mudah, GST ini tidak beza dengan sistem cukai bertingkat yang peringkat awalnya akan dikenakan kepada pengilang sesuatu produk”**

**Zaleha Hamzah**  
Penasihat Kastam



“**Pelaksanaan GST, peniaga boleh menawarkan harga lebih murah hasil penjimatan daripada pembayaran cukai. Maka, pelaksanaan GST akan memberi kesan kepada penurunan Indeks Harga Pengguna (IHP) sekali gus menurunkan perbelanjaan isi rumah”**

**Kamariah Hussain**  
Pengerusi Panel Penilaian Cukai Kementerian Kewangan